



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HEGEMONI SOEHARTO TERHADAP GERAKAN PELAJAR DI
INDONESIA, 1966-1998***

AZHAR BIN AHMAD

FEM 2018 31



HEGEMONI SOEHARTO TERHADAP GERAKAN PELAJAR DI INDONESIA, 1966-1998

Oleh

AZHAR BIN AHMAD

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah**

April 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta© Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

HEGEMONI SOEHARTO TERHADAP GERAKAN PELAJAR DI INDONESIA, 1966-1998

Oleh

AZHAR BIN AHMAD

April 2018

Pengerusi : Profesor Jayum Jawan, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Tesis ini mempunyai tiga tujuan utama, iaitu mengkaji gerakan pelajar pada zaman Orde Baru Soeharto, meneliti tindakan hegemoni yang diambil oleh negara ke atas gerakan pelajar dan menilai impak gerakan pelajar terhadap politik Indonesia. Konsep yang digunakan sebagai alat analisis dalam kajian ini ialah hegemoni dan gerakan sosial pelajar. Tesis ini menggunakan kedua-dua data primer dan sekunder. Data primer dalam kajian ini adalah temu bual dengan informan autoritatif yang terdiri dari aktivis pelajar, ahli politik dan juga ahli akademik. Data sekunder pula diperolehi dari buku, tesis serta jurnal yang diterbitkan berkaitan dengan tajuk kajian ini. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian mendapati regim Orde Baru Soeharto menggunakan tekanan yang kuat ke atas pelajar yang menentang sehingga menyebabkan gerakan pelajar ini didominasi oleh negara. Cara yang dilakukan oleh rejim untuk menekan pelajar ini adalah melalui pelbagai dasar dan taktik seperti menubuhkan Badan Koordinasi Kepelajaran (BKK), mengawal aktiviti akademik, mengindoktrinasi fahaman serta menerapkan konsep *link and match* di institusi pengajian tinggi. Akibat tindakan hegemoni kerajaan ini, maka gerakan pelajar menjadi lemah dan aktiviti mereka hanya terbatas dalam bentuk kelab-kelab perbincangan dan terbabit dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) sahaja. Pada dekad 1990-an, golongan aktivis pelajar mulai terlibat dengan pelbagai kumpulan di luar kerajaan, namun gerakan mereka masih bersifat sporadik dan terhad. Ini kerana mereka dikawal ketat oleh kerajaan menyebabkan mereka mudah ditundukkan oleh dominasi negara. Bagaimanapun, pada tahun 1997 apabila berlaku krisis kewangan yang tenat, gerakan pelajar ini bangkit kembali dan bersikap kritikal terhadap kerajaan. Mereka menentang penyelewengan dan amalan korupsi, kronisme dan nepotisme (KKN) yang berlaku dalam negara. Gerakan mereka mendapat sokongan rakyat sehingga akhirnya membawa kepada kejatuhan Suharto pada tahun 1998. Kejatuhan Suharto ini menunjukkan satu perkara: bahawa daya tahan hegemoni ada batasnya dan tidak

boleh bertahan selama-lamanya. Hasil kajian mendapati keadaan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor seperti perkembangan pesat teknologi maklumat, internet, media massa, persekitaran politik antarabangsa dan lainnya. Di akhir analisisnya, kajian ini mendapati kejatuhan Soeharto telah membawa pendemokrasian kepada politik Indonesia.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**SOEHARTO'S HEGEMONY TOWARDS STUDENT MOVEMENT IN
INDONESIA, 1966-1998**

By

AZHAR BIN AHMAD

April 2018

Chairman : Professor Jayum Jawan, PhD
Faculty : Human Ecology

This thesis has three main objectives, namely to review the student political movement during the period of Soeharto's New Order, examine the hegemonic action taken by the state against student politics during the period, and evaluate the impact of the student movement on Indonesian politics. The concept of hegemony and student's social movements are used as tools of analysis in this study. This thesis uses both primary and secondary sources. Primary data in this study were interviews with authoritative informants comprises of student activists, politicians and academicians. Secondary data were obtained from books, theses and journals related to this study. These data were then analyzed qualitatively. The study found that Soeharto's New Order regime used strong pressure on students who opposed them, resulting in the student movement being dominated by the state. The methods used by the regime to suppress the students are through various policies and tactics such as the setting up Students Coordination Board (BKK), regulating student's academic activities, and indoctrinating and applying the concept of "link and match" in institutions of higher learning. As a result of these hegemonic actions by the government, the student movement became weak and their activities were limited to the club's involvement in discussions and non-governmental organizations (NGOs). In the 1990s, a group of student activists became involved with various groups outside the government, but their movement was still sporadic and limited. This was because they were tightly controlled by the government and were therefore easily subdued by the state. However, in 1997 during the financial crisis, the students bounced back and were again critical of the government. They were against fraud and corruption, cronyism and nepotism (KKN) that occurred in the country. Their movement had the support of the people and that eventually led to the downfall of Soeharto in 1998. The fall of Soeharto proved one thing: that there is a limit to endurance and that hegemony cannot last forever. The study also found that this occurs due to various factors such as the rapid development of information

technology, internet, media, and other international political environment. In the final analysis, the study found that the fall of Suharto has led to political democratization of Indonesia.



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Penyayang

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah yang Maha Besar kerana dengan limpah kurniaNya, tesis ini dapat juga disiapkan. Tentunya tesis ini dapat diselesaikan kerana saya mendapat bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan bantuan dari banyak pihak. Justeru, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam membantu saya untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Pertama, terima kasih tidak terhingga kepada Penyelia saya, Prof. Dr. Jayum Jawan, Prof. Dr. Zaid Ahmad dan Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib yang telah membimbing penyelidikan ini. Saya cukup terhutang budi dengan kegigihan dan ketabahan mereka meneliti tesis saya, memberi saranan pembetulan demi pembetulan, membaca tulisan saya perkataan demi perkataan sehingga akhirnya penyelidikan tesis ini dapat diselesaikan.

Kedua, terima kasih saya ucapkan kepada majikan saya, Dato' Seri YAB Dato' Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak atas sokongan yang diberikan untuk saya menyiapkan pengajian ini. Walaupun saya mempunyai banyak tugas pejabat yang perlu diselesaikan, beliau tetap memberikan ruang kepada saya untuk menyelesaikan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada rakan-rakan sepejabat atas sokongan, dokongan dan semangat yang diberikan kepada saya supaya tabah menghadapi tekanan pengajian ini.

Ketiga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak di Universiti Putra Malaysia di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya. Sesungguhnya saya bangga diberi kesempatan untuk menimba ilmu di universiti yang hebat ini. Seterusnya, ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga saya tujukan kepada rakan sepengajian dan semua pihak yang terlibat dalam membantu saya menyelesaikan pengajian ini. Segala bantuan dan dokongan yang diberikan amat dihargai dan besar ertinya kepada diri saya.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada isteri dan anak-anak—Muhamad Afif, Nurulafifah, Nurhusniah, Nuruladilla Hanna, Nurul Izzaty Hasanah, Muhammad Akmal Hakimi, Muhammad Ameer Firdaus, dan Nurul Aishah Elyani yang selalu memberi dorongan kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga buat menantu Ika, Izzat, Ewan dan cucu Akif dan Alyana yang menyeronokkan kehidupan keluarga. Akhir sekali, saya mengabadikan penyelidikan ini buat Allahyarham Ayah dan Allahyarhamah Ibu yang telah mengasuh, mendidik dan membesarkan saya sehingga saya menjadi seperti mana saya hari ini.

Walaupun banyak pihak yang terlibat dalam memberi sumbangan kepada tesis ini, sekiranya terdapat kelemahan, maka saya bertanggungjawab di atas kekurangan itu. Kepada Allah jualah saya kembali semua urusan. Aameen.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Jayum Jawan, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaid Ahmad, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan tesis ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk, buku, jurnal, modul prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Azhar Bin Ahmad, GS35839

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Dr Jayum Jawan

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Dr. Zaid Ahmad

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI SINGKATAN	xiv
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Biografi Presiden Soeharto	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Metodologi Penyelidikan	9
1.8 Pembahagian Bab	11
1.9 Kesimpulan	11
2 SOROTAN KAJIAN LEPAS DAN KERANGKA KONSEPTUAL	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Sorotan Kajian Lepas	12
2.2.1 Sejarah Penglibatan Pelajar dalam Politik	12
2.2.2 Gerakan Pelajar di Era Pemerintahan Soeharto	20
2.3 Konsep Negara: Pengertian dan Pemahamannya	23
2.4 Konsep Hegemoni: Takrif dan Praktik	25
2.5 Konsep Gerakan Sosial Pelajar	29
2.6 Kesimpulan	33
3 FAKTOR KEBANGKITAN DAN PERKEMBANGAN GERAKAN PELAJAR DI INDONESIA	35
3.1 Pengenalan	35
3.2 Perjuangan Pelajar Sebelum Kemerdekaan	36
3.3 Pendudukan Jepun: Penerusan Penentangan Pelajar	42
3.4 Zaman Awal Kemerdekaan Hingga Demokrasi Liberal	46
3.5 Demokrasi Terpimpin dan Tentangan Pelajar	52
3.6 Gerakan Pelajar Semasa Demokrasi Terpimpin dan Kejatuhan Soekarno	56

3.7	Dasar Pembangunan Ekonomi dan Politik Soeharto	64
3.7.1	Dasar Ekonomi	64
3.7.2	Dasar Politik	69
3.8	Reaksi Pelajar Terhadap Dasar Pembangunan Soeharto	75
3.9	Kesimpulan	78
4	DINAMIKA PERANAN GERAKAN PELAJAR DAN REAKSI PEMERINTAHAN SOEHARTO	80
4.1	Pengenalan	80
4.2	Gerakan Pelajar Era 1970-An: Bermulanya Hegemoni	80
4.2.1	Peristiwa Malari 1974: Bermulanya Cengkaman Soeharto	81
4.2.2	Gerakan Pelajar 1978: Aktiviti Tersekat, Tekanan Meningkat	85
4.3	Gerakan Pelajar Era 1980-An: Pengukuhan Hegemoni Regim	91
4.3.1	Bengkel P4 dan Indoktrinasi Regim	95
4.3.2	Pancasila Sebagai Asas Tunggal Kehidupan Bernegara	97
4.3.3	Gerakan Pelajar: Antara Kelab Studi dan Kelab Aksi	99
4.3.4	Protes Pelajar Pasca 1987 dan Kekerasan Regim	102
4.4	Gerakan Pelajar Era 1990-An: Pembangunan Ekonomi dan Hegemoni Regim	106
4.4.1	Reaksi Pelajar Terhadap Hegemoni Soeharto	110
4.4.2	Strategi Soeharto Menangani Protes Pelajar	114
4.5	Penentangan Pelajar dan Kesannya Terhadap Hegemoni Regim	118
4.6	Kesimpulan	121
5	KEJATUHAN REGIM SOEHARTO DAN IMPAKNYA TERHADAP POLITIK INDONESIA	123
5.1	Pengenalan	123
5.2	Krisis Kewangan 1997 dan Langkah Regim Mengatasinya	123
5.3	Krisis Kewangan dan Kaunter-Hegemoni Pelajar	129
5.4	Kejatuhan Soeharto dan Impaknya Terhadap Politik Indonesia	140
5.5	Kesimpulan	146
6	KESIMPULAN	148
6.1	Pengenalan	148
6.2	Penemuan Kajian: Gerakan Pelajar di Indonesia, 1968-1998	148
6.3	Analisis Hegemoni Negara Terhadap Gerakan Pelajar	152
6.4	Sumbangan Kajian	154

RUJUKAN	157
LAMPIRAN	175
BIODATA PELAJAR	241
SENARAI PENERBITAN	243



SENARAI SINGKATAN

ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
Bakin	Badan Koordinasi Intelejen
Banpres	Bantuan Presiden
BPM	Badan Perwakilan Pelajar (BPM)
Bulog	Badan Urusan Logistik
CGMI	Consentrasi Gerakan Pelajar Indonesia
DM	Dewan Pelajar
DPRGR	Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong
FAMI	Front Aksi Pelajar Indonesia
FAPI	Front Aksi Pemuda Indonesia
FBSI	Federasi Buruh Seluruh Indonesia
FKMJ	Forum Komunikasi Pelajar Jakarta
FKMS	Forum Komunikasi Pelajar Surabaya
FKMY	Forum Komunikasi Pelajar Yogyakarta
Forkot	Forum Kota
FPKR	Forum untuk Pemurnian Kedaulatan Rakyat
Gemsos	Gerakan Pelajar Sosialis
Gerwani	Gerakan Wanita Indonesia
GMNI	Gerakan Pelajar Nasional Indonesia
Golkar	Golongan Karya
GPS	Gerakan Pemuda Sosialis
HKTI	Himpunan Kerukunan Tani Indonesia
HMI	Himpunan Pelajar Islam
HMI-MPO	Himpunan Pelajar Islam Indonesia-Majelis Penyelamat Organisasi
HNSI	Himpunan Nelayan Seluruh Indonesia
IAIN	Institut Agama Islam Negeri
ICMI	Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia
ILO	International Labour Organization
IMF	International Monetary Fund
Infight	Indonesian Front for the Defence of Human Rights
Inpres	Instruksi Presiden
IPI	Ikatan Pelajar Indonesia
IPPI	Ikatan Pemuda Pelajar Indonesia
IPPNU	Ikatan Pelajar Nahdlatul Ulama
Kadin	Kamar Dagang dan Industri
KAMI	Kesatuan Aksi Pelajar Indonesia
KAMMI	Kesatuan Aksi Pelajar Muslim Indonesia
Kaskopkamtib	Kepala Staf Kopkamtib
KKN	Korupsi, Kolusi, Nepotisme
KMPTL	Komite Pelajar Penurunan Tarif Listrik
KNIP	Komite Nasional Indonesia Pusat
KNPI	Komite Nasional Pemuda Indonesia
Kopkamtib	Komando Operasi Pemulihan Keamanan dan Ketertiban
Korpri	Korps Pegawai Republik Indonesia

Kostrad	Komando Cadangan Strategis Angkatan Darat
LBH	Lembaga Bantuan Hukum
MPM	Majelis Permusyawaratan Pelajar
MPR	Majelis Permusyawaratan Rakyat
MUI	Majelis Ulama Indonesia
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NU	Nahdlatul Ulama
Ormas	Organisasi massa
Orpol	Organisasi politik
Opsus	Operasi Khusus
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDI	Partai Demokrasi Indonesia
PDIP	Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan
Permi	Persatuan Muslimin Indonesia
PI	Perhimpunan Indonesia
PII	Pelajar Islam Indonesia
PIJAR	Pusat Informasi dan Jaringan Aksi untuk Reformasi
PIPHAM	Pusat Informasi dan Pendidikan Hak Asasi Manusia
PKI	Partai Komunis Indonesia
PMD	Perhimpunan Pelajar Djakarta
PMII	Persatuan Pelajar Islam Indonesia \
PMIM	Perkumpulan Pelajar Indonesia dan Malaysia
PMJ	Perhimpunan Pelajar Jogjakarta
PMKH	Perhimpunan Pelajar Kedokteran Hewan
PMKI	Perhimpunan Pelajar Kristen Indonesia
PMKRI	Perhimpunan Pelajar Katholik Republik Indonesia
PMM	Perhimpunan Pelajar Malang
PNI	Partai Nasional Indonesia
PPMI	Perserikatan Perhimpunan Pelajar Indonesia
PPP	Partai Persatuan Pembangunan
PPPI	Perhimpunan Pelajar-pelajar Indonesia
PRD	Partai Rakyat Demokratik
PSI	Parti Sosialis Indonesia
PWI	Persatuan Wartawan Indonesia
SMI	Sarekat Pelajar Indonesia
SMID	Solidaritas Pelajar Indonesia untuk Demokrasi
SMPT	Senat Pelajar Perguruan Tinggi
SMY	Solidaritas Pelajar Yogyakarta
SOBSI	Sentral Organisasi Buruh Seluruh Indonesia
STOVIA	<i>School tot Opleiding voor Inlandsche Artsen</i>
TGP	Tentara Geni Pelajar
TNI	Tentara Nasional Indonesia
TP	Tentara Pelajar
TRIP	Tentara Republik Indonesia Pelajar
Tritura	Tiga Tuntutan Rakyat
UI	Universitas Indonesia
WHO	World Health Organization

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Salah satu fenomena menarik dalam kehidupan politik di negara-negara membangun adalah munculnya gerakan pelajar. Meskipun mereka bukan merupakan kekuatan politik formal, namun mereka telah berjaya mempengaruhi situasi politik dengan melakukan tekanan ke atas pemerintah. Kuatnya pengaruh pelajar ini mendorong Altbach (1988:7) menggelarkan mereka sebagai 'cawangan keempat' dalam sistem pemerintahan negara.

Di beberapa negara seperti Korea Selatan, Turki, Vietnam Selatan, Bolivia, Venezuela, Thailand, Jepun, Burma, Nigeria, Brazil, Filipina, Poland dan China, gerakan pelajar telah berjaya mempengaruhi proses politik sehingga berlakunya pelbagai perubahan. Di awal kemerdekaan Indonesia, gerakan pelajar menjadi salah satu peneraju utama dalam aktiviti menentang kerajaan penjajah, menjatuhkan Soekarno pada tahun 1966, dan turut berperanan dalam menamatkan pemerintahan Soeharto pada tahun 1998.

Tesis ini mengkaji gerakan pelajar semasa era pemerintahan rejim Soeharto di Indonesia. Fokus penelitian adalah kepada faktor-faktor penglibatan pelajar dalam gerakan tersebut, isu-isu perjuangan mereka, bentuk-bentuk tindakan negara untuk menghadapi gerakan pelajar ini dan impak gerakan pelajar ke atas pemerintahan Soeharto. Bagi menilai kesemua aspek di atas, tesis ini dibahagikan kepada enam bab yang dibincangkan dalam bahagian berikutnya. Bab ini menggariskan beberapa perkara seperti membincangkan biografi ringkas Soeharto, permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian dengan lebih terperinci, skop kajian, metodologi penyelidikan dan diakhiri dengan organisasi persembahan tesis ini.

1.2 Biografi Presiden Soeharto

Haji Muhammad Suharto (Soeharto) atau juga dikenali sebagai "Pak Harto" merupakan Presiden Indonesia kedua, yang memegang jawatan paling lama selama 31 tahun selepas menggantikan Sukarno pada tahun 1967 hingga tahun 1998. Beliau dilahirkan pada 8 Jun 1921 di sebuah perkampungan kecil bernama Kemusuk di daerah Godean berdekatan kota Yogyakarta semasa zaman penjajahan Belanda. Soeharto merupakan anak tunggal hasil perkahwinan pasangan Kertosudiro dan Sukirah yang kedua-duanya merupakan orang Jawa. Ayahnya merupakan seorang petani dan pembantu lurah.

Pada awal usianya, Soeharto sering berpindah sekolah pada usia lapan tahun antaranya, Sekolah Desa (SD) Puluhan, Godean dan lantaran selepas keluarganya berpindah ke Kemusuk, Kidul, Soeharto kemudiannya bersekolah di SD Pedes. Soeharto telah terpilih sebagai prajurit teladan di Sekolah Bintara, Gombong, Jawa Tengah pada tahun 1941 ketika beliau berumur 20 tahun. Pada Oktober 1945, Soeharto akhirnya rasmi menjadi Tentara Nasional Indonesia (TNI). Kemudiannya, pada 26 Disember 1947, Soeharto berkahwin dengan Raden Ayu Siti Hartinah yang lebih dikenali dengan panggilan Ibu Tien, yang merupakan anak perempuan seorang pegawai Mangkunegaran. Mereka telah dikurniakan enam orang anak iaitu, Siti Hardiyanti Hastuti, Sigit Harjojudanto, Bambang Trihatmodjo, Siti Hediati Herijadi, Hutomo Mandala Putra, dan Siti Hutami Endang Adiningsih.

Daripada seorang anak petani miskin yang lahir di Desa Kemusuk Yogyakarta, kerjayanya bermula dengan menyertai tentera penjajah Belanda di mana beliau menjadi Sersan atau Sarjan di KNIL (Koninklijk Nederlands-Indische Leger) pada era penjajahan kolonial Belanda dan tentera cadangan yang ditempatkan di Bandung ketika berlakunya Perang Dunia II. Selama Perang Dunia Kedua, Suharto pernah menjadi komandan battalion dengan pangkat Mayor di dalam Tentara Sukarela Pembela Tanah Air (PETA) yang merupakan kesatuan militer yang dibentuk Jepang di Indonesia dalam masa pendudukan Jepang. Memasuki era kemerdekaan, Soeharto juga telah berjaya memimpin pasukan untuk merebut kembali Kota Yogyakarta dari tangan Belanda yang belum menyerah untuk menguasai Indonesia pada tahun 1949.

Selain daripada itu, Soeharto juga pernah menjadi Pengawal Panglima Besar Soedirman dan Panglima Mandala saat peristiwa pembebasan Irian Barat. Pada 1 Oktober 1965, berlakunya G-30-S/PKI iaitu singkatan kepada Gerakan 30 September (dalam dokumen pemerintah tertulis Gerakan 30 September/PKI) iaitu sebuah peristiwa yang terjadi lewat malam 30 September hingga awal 1 Oktober 1965 di mana tujuh perwira tinggi militer Indonesia dengan beberapa orang lainnya dibunuh. Oleh sebab itu, Soeharto kemudiannya mengambil alih pimpinan Angkatan Darat. Selain dikukuhkan jawatannya sebagai Pangad, Jenderal Soeharto ditunjuk sebagai Pangkopkamtib (Komando Pemulihan Keamanan dan Ketertiban) oleh Presiden Soekarno.

Sepanjang tempoh kepimpinannya, Soeharto telah membuat sumbangan yang besar dalam membangunkan Indonesia dan rakyat Nusantara hingga dikagumi di peringkat antarabangsa. Semasa pemerintahannya, Soeharto telah mewajibkan persekolahan bagi anak-anak bangsa tanpa perlu membayar yuran, melancarkan program merancang keluarga dan berusaha membebaskan kemiskinan rakyat melalui revolusi pertanian untuk makanan. Beliau yang digelar Bapak Pembangunan, berjaya mencorakkan kemajuan Indonesia dengan wawasan jauh dan meletakkan Indonesia sebagai salah satu negara Harimau Asia pada zaman pemerintahannya. Di peringkat antarabangsa dan ASEAN, beliau antara tokoh yang disegani dan memainkan peranan penting di peringkat serantau bersama pemimpin Malaysia, Allahyarham Tun Razak Hussien, Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad

dan bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew. Soeharto turut memainkan peranan menamatkan sengketa antara Malaysia dan Indonesia dalam yang berkonfrontasi pada awal tahun 1965.

Pak Harto telah banyak berjasa kepada bangsa Indonesia walaupun dalam masa yang sama, sebagai manusia biasa beliau tidak dapat melarikan diri daripada melakukan kesilapan. Lantaran itu, Soeharto telah meletak jawatan sebagai presiden Indonesia pada Mei 1998 berikutan keruntuhan sokongan untuk kepresidenannya yang selama tiga dekad. Perletakan jawatan itu menyusuli krisis ekonomi dan politik yang teruk dalam 6 hingga 12 bulan sebelumnya. Presiden B.J. Habibie meneruskan sekurang-kurangnya setahun dalam tahun-tahun presiden yang tersisa, diikuti oleh Presiden Abdurrahman Wahid pada tahun 1999.

1.3 Permasalahan Kajian

Gerakan pelajar cukup signifikan dalam membentuk wajah sejarah politik Indonesia. Sejak zaman penjajahan lagi, pelajar menganjurkan pelbagai aktiviti bagi mendorong bangkitnya kesedaran rakyat untuk menuntut kemerdekaan dari penjajah Belanda. Setelah mencapai kemerdekaan, penglibatan pelajar bertukar pula kepada usaha-usaha untuk mempertahankan kemerdekaan dan selepas keadaan kembali normal, pelajar balik semula ke kampus meneruskan pengajian. Ketika itu, institusi pengajian tinggi mengalami perkembangan yang pesat dengan munculnya universiti-universiti baharu yang ditubuhkan kerajaan dan dengan itu, jumlah pelajar pun semakin meningkat. Sampai ketika itu, hubungan universiti, pelajar dan masyarakat adalah harmoni kerana mereka saling memerlukan di antara satu sama lain.

Namun, pada tahun 1950-an, hubungan yang harmoni ini tergugat apabila parti-parti politik berusaha membangunkan jaringan masing-masing dengan menanamkan pengaruh mereka ke dalam universiti. Salah satu caranya adalah dengan penubuhan sebilangan pertubuhan-pertubuhan pelajar baharu yang berasaskan 'fahaman' dan menjadikan mereka ejen kepentingan parti-parti politik. Beberapa pertubuhan pelajar utama yang muncul pada masa itu adalah Himpunan Pelajar Islam (HMI) yang mempunyai pertalian dengan parti Islam moden Majelis Syura Muslimin Indonesia (MASYUMI), Gerakan Pelajar Nasionalis Indonesia (GMNI) yang mempunyai pertalian dengan Partai Nasional Indonesia (PNI), Concentration Gerakan Pelajar Indonesia (CGMI) yang mempunyai pertalian dengan Partai Komunis Indonesia (PKI), Perhimpunan Pelajar Katolik Republik Indonesia (PMKRI) yang mempunyai pertalian dengan Partai Katolik Indonesia (PKI), Gerakan Pelajar Kristen Indonesia (GMKI) yang mempunyai pertalian dengan Partai Kristian Indonesia (PARKINDO), Ikatan Pelajar Muhammadiyah (IMM) yang mempunyai pertalian dengan pertubuhan sosial keagamaan Muhammadiyah, kemudian Pergerakan Pelajar Islam Indonesia (PMII) yang mempunyai pertalian dengan Nahdlatul Ulama (NU) (Bachtar 1968:186-190).

Universiti bukan setakat menjadi tempat belajar, tetapi juga menjadi sumber rekrutmen kepimpinan parti politik. Corak kehidupan universiti segera berubah dan menjadi salah satu medan pergelutan parti-parti politik untuk mendapatkan pengaruh. Akibatnya, sebahagian universiti di Indonesia pada masa itu, terutamanya universiti-universiti utama di Jawa menjadi tempat berlakunya perebutan pengaruh pelbagai pertubuhan pelajar, terutamanya antara CGMI dan HMI, sehingga kerap berlaku perpecahan dan konflik. Semangat untuk meneroka ilmu pengetahuan dikalahkan oleh kepentingan politik, yang pada akhirnya mengancam kebebasan akademik. Pada masa ini, universiti juga menjadi salah satu kubu kepada sebahagian kumpulan intelektual kritikal dan penentang kepada pemerintah.

Keadaan tersebut berubah secara drastik selari dengan berlakunya peristiwa Gerakan 30 September 1965 yang memperlihatkan percubaan rampasan kuasa yang gagal. Pihak tentera menuduh PKI berada di sebalik insiden itu. Mereka menggesa Presiden Soekarno segera bertindak, tetapi Presiden Soekarno dilihat kurang tegas terhadap golongan komunis menyebabkan pelajar bangkit menentang pemerintahan Soekarno. Para pelajar kemudiannya bergabung dan bersatu dalam satu pertubuhan baharu yang diasaskan pada tarikh 25 Oktober 1965, iaitu Kesatuan Aksi Pelajar Indonesia (KAMI) yang menghimpun perjuangan seluruh pertubuhan utama pelajar Indonesia (Bachtar 1968: 190-206).

Gerakan pelajar ini kemudiannya berjaya menekan Presiden Soekarno meletakkan jawatan dengan memperolehi sokongan daripada pihak tentera, terutamanya tentera darat sehingga memunculkan pemerintahan Orde Baru yang diketuai oleh Soeharto. Di bawah pemerintahan Soeharto, tentera mulai berkuasa dan secara berterusan menguatkan kekuasaannya dengan melakukan pelbagai usaha 'pembersihan' pada semua segi kehidupan daripada unsur-unsur 'kiri' (komunis) yang sedia ada. Cabaran utama Soeharto ketika itu adalah menstabilkan keadaan dan meningkatkan prestasi ekonomi negara yang sudah menurun. Oleh itu, pemerintahan Soeharto melakukan pelbagai langkah strategik dengan melakukan penstrukturan semula ke atas pelbagai bidang.

Pemerintahan Soeharto berusaha untuk menggubal dasar dan mewujudkan strategi pembangunan yang boleh memenuhi harapan nyata masyarakat tanpa terganggu oleh konflik politik yang berlaku. Namun di sebalik usaha beliau, mulai timbul impak-impak negatif seperti munculnya jurang ekonomi, meningkat kadar kemiskinan, wujud darjat ketergantungan kepada pihak luar, rasuah mula menular di dalam birokrasi dan hak-hak politik masyarakat diabaikan (Glassburner 1978:137-170).

Oleh itu, pada awal tahun 1970-an mulai muncul rasa tidak puas hati dan kritikan pelajar yang melihat pemerintahan Soeharto telah mulai menyeleweng daripada cita-cita asal. Pelajar mendesak agar pemerintah bersikap jujur dan tegas dalam membanteras rasuah dan penyimpangan yang berlaku. Mereka juga menuntut supaya kehidupan masyarakat dibela dan ditingkatkan. Tindakan pelajar ini menggambarkan munculnya keprihatinan baharu dan kerisauan yang berasas di

kalangan mereka tentang hala tuju pembangunan negara. Menjelang tahun 1974, momentum gerakan pelajar semakin meningkat yang ditandai dengan siri protes-protes di Jakarta, di mana mereka membantah strategi pembangunan yang bias, yang lebih menumpukan kepada pertumbuhan berbanding daripada pemerataan, sehingga mengakibatkan melebarnya jurang perbezaan ekonomi di antara masyarakat (Denny 1990:46). Para pelajar menggesa kerajaan untuk memperbaiki keadaan dan mengajak rakyat bersama-sama berjuang melawan penindasan.

Kemuncak daripada protes tersebut ialah pada 15 Januari 1974 apabila berlaku peristiwa rusuhan besar yang disertai kekerasan di Jakarta, yang menyebabkan banyak rakyat terkorban dan harta benda musnah. Insiden itu dikenali sebagai peristiwa “Malari” atau Malapetaka 15 Januari 1974, yang kemudiannya memberi kesan kepada gerakan pelajar (Karim 1985:32). Semua aktiviti pelajar selepas itu dikawal secara ketat oleh pimpinan institusi pengajian tinggi yang diberi kuasa luas untuk mencampuri aktiviti luar yang dianggap merbahaya. Pemerintah menganggap hal ini penting agar agenda pembangunan negara tidak terjejas oleh aktiviti pelajar yang dianggap merbahaya dan tidak bertanggungjawab. Dengan cara kawalan seperti itu, gerakan pelajar semakin lemah dan masyarakat akademik tidak lagi terbabit dalam usaha-usaha menentang dasar pemerintah.

Mulai saat itulah gerakan pelajar berdepan dengan tekanan dan kekerasan yang bersifat fizikal. Peristiwa Malari mengakhiri masa ‘bulan madu’ dan pakatan yang pernah berlaku antara tentera dan pelajar pada awal kelahiran Orde Baru. Insiden Malari menzahirkan satu sentimen antitentera yang terus membesar pada tempoh-tempoh seterusnya. Meskipun kawalan yang dilakukan ke atas universiti sangat ketat, namun para tokoh gerakan pelajar terus berusaha untuk melakukan penentangan terhadap sekatan yang dikenakan terhadap mereka. Kekecewaan pelajar terus meningkat kerana pemerintah gagal menyelesaikan pelbagai permasalahan bangsa, mulai daripada rasuah sampai kepada pelbagai praktik politik pemerintah yang tidak berperlembagaan (Naipospos 1996:27). Gerakan mereka kemudian berubah menjadi protes besar-besaran pada tarikh 6 Januari 1978 yang akhirnya berjaya diatasi oleh pemerintah.

Pemerintah kemudiannya mengambil tindakan lain yang lebih menindas dan sistematik untuk menyingkirkan pelbagai aktiviti yang bercorak politik daripada universiti. Hal tersebut bertujuan agar keadaan universiti berjalan normal seperti asal sebagai tempat belajar dan pelajar mencari ilmu pengetahuan sesuai dengan matlamat yang diharapkan. Mereka yang terbabit dengan aktiviti politik akan berdepan dengan hukuman yang sangat berat, mulai daripada peringatan sehingga dibuang daripada universiti. Dengan polisi semacam itu pelajar yang mahu beraktiviti politik berfikir dua kali kerana mereka takut akan mengorbankan masa depannya.

Gerakan pelajar 1978 memberikan impak yang mendalam terhadap kawalan negara ke atas universiti. Selepas gerakan 1978 ini, pemerintah mengetatkan lagi kawalan ke atas gerakan pelajar melalui sekatan undang-undang sehingga gerakan pelajar Indonesia menjadi semakin merosot. Dari satu segi, pemerintah secara berterusan melancarkan projek depolitisasi melalui langkah kooptasi dan represi, sementara di pihak lain berusaha mengembangkan wacana umum, menanam nilai-nilai dan keyakinan baharu kepada masyarakat. Dengan memanfaatkan segala kemudahan yang sedia ada, Presiden Soeharto berusaha menciptakan wacana umum di masyarakat, yang tujuannya untuk membalikkan kesedaran pelajar supaya menyedari kebaikan pemerintah (Vatikiotis 1998:67). Salah satu langkah penting yang dilakukan kerajaan untuk mengukuhkan kekuasaannya dan merebut fikiran masyarakat adalah dengan memaksa semua kekuatan dalam masyarakat, termasuk pertubuhan pelajar agar menempatkan fahaman Pancasila sebagai satu-satunya asas ideologi mereka.¹ Dengan cara tersebut, rejim yang berkuasa berusaha mematahkan semua ikatan ideologikal dan primordial kekuatan-kekuatan dalam masyarakat.

Sepanjang tahun 1980-an dan 1990-an gerakan pelajar berpecah belah. Sebahagian daripada para aktivis pelajar menukar aktiviti mereka ke bentuk kelab-kelab perbincangan atau kelab-kelab studi yang kecil dan terhad. Sebahagian aktivis pelajar yang lain terbabit dengan aktiviti di luar universiti bergabung dalam pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan melakukan kerja sosial pada peringkat akar umbi di dalam masyarakat. Sebahagian yang lain pula terbabit dalam jaringan aktiviti politik “bawah tanah” yang melakukan kontak-kontak terhad dengan kumpulan atau individu tertentu (Alimi 1993:160). Sementara, sebahagian lagi yang lain terbabit ke dalam aktiviti kumpulan keagamaan yang lebih terhad dan eksklusif, baik yang wujud di lingkungan universiti mahupun di luar universiti. Mereka bergabung di dalam aktiviti keagamaan di pelbagai universiti berlangsung semarak, terutama universiti-universiti besar di Jawa sehingga melahirkan kumpulan-kumpulan khas seperti: Jama’ah Salman di Institut Teknologi Bandung, Jama’ah Arif Rahman Hakim di Universitas Indonesia, Jama’ah Salahudin di Universitas Gadjah Mada dan lain-lain (Kaisiepo 1987:25).

Di luar itu, secara amnya, dunia pelajar diwarnai sikap pragmatisme, apatisisme yang meluas, bahkan *inertia*. Slogan bahawa pelajar merupakan ‘kekuatan moral’ yang pernah bergema luar pada suku terakhir tahun 1960-an dan sepanjang tahun 1970-an telah kehilangan maknanya, kerana sebahagian besar daripada mereka telah

¹Penerapan Asas Tunggal dimaksudkan semua pertubuhan politik (Orpol), iaitu parti politik dan pertubuhan massa (Ormas) termasuklah pertubuhan-pertubuhan pelajar di luar daripada universiti, mestilah menerima dan menyebutkan fahaman Pancasila sebagai satu-satunya asas. Pertubuhan yang enggan mengikuti arahan ini akan diharamkan. Di kalangan pertubuhan pelajar, salah satu pertubuhan yang menolak fahaman Pancasila adalah Pelajar Islam Indonesia (PII) yang tidak mahu menukar asas fahaman daripada Islam kepada fahaman Pancasila. Begitu juga dengan Himpunan Pelajar Islam Indonesia-Majelis Penyelamat Organisasi (HMI-MPO) yang merupakan pecahan daripada Himpunan Pelajar Islam (HMI). Keengganan ini menjadikan PII, HMI-MPO tidak sah. Untuk perbincangan tentang Pancasila sebagai Asas Tunggal dan pelbagai impaknya, lihat Ramage (1994); van Langenberg (1990).

ditundukkan oleh negara. Proses depolitisasi dan tindakan korporatik rejim membawa impak yang luar biasa ke atas aktiviti gerakan pelajar.

Sistem politik autoritarian realitinya telah menghasilkan politik yang bersifat hegemonik. Usaha-usaha untuk mewujudkan satu gerakan pelajar yang lebih besar dan bersatu tetap terhalang oleh dasar pemerintah yang tidak mengenal kompromi dan apatisme pelajar yang meluas. Meskipun ada tuntutan yang semakin kuat daripada pelbagai pihak agar pemerintah mengendurkan kawalannya, namun secara asas pemerintah tidak mengubah landasan polisi yang digalurkannya. Seorang penganalisis politik Indonesia, iaitu Sundhaussen (1988:77) mengemukakan rasa pesimisnya pada masa itu dalam satu tulisannya:

Hampir tiga dekad Orde Baru memerintah dan sampai sekarang tidak ada satu kekuatan politik pun yang mampu menandingi keperkasaan kerajaan Orde Baru. Gerakan prodemokrasi yang melancarkan serangkaian kritikan ke atas Orde Baru dan polisinya ternyata belum mampu menciptakan opini dan kekuatan rakyat sehingga kerajaan terpaksa melakukan perubahan.

Kumpulan pembangkang dan pelbagai kekuatan penentang pemerintah terus ditekan sampai kepada batas yang tidak membolehkan mereka bergerak. Mereka misalnya adalah kumpulan Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDIP) yang diketuai Megawati Soekarnoputri, intelektual Sri Bintang Pamungkas, serta tokoh-tokoh radikal muda seperti Budiman Sujatmiko, Andi Arief, Nezar Patria dan lain-lain yang disekat daripada menyampaikan aspirasi masyarakat (Honna 1999:80). Selain itu, pemerintah tahu bahawa gerakan pelajar sesungguhnya telah berpecah belah. Pelbagai pertubuhan pelajar di luar daripada universiti seperti HMI, PMII, GMNI, GMKI dan IMM yang menjadi tumpuan sebahagian pelajar dalam beraktiviti sudah sejak lama dikooptasi oleh pemerintah. Mereka lebih berkepentingan menyesuaikan diri dengan polisi yang sedia ada seraya menjadi tempat para kader terbaik mereka untuk membangun jaringan dan berkhidmat lebih lanjut dalam pentadbiran pemerintah atau menjadi tokoh masyarakat.

Keadaan ini wujud sehingga tahun 1997 ketika Indonesia mengalami krisis ekonomi yang teruk. Pelbagai pihak mulai menyoal ketidakupayaan pemerintah mengatasinya. Para pelajar kemudiannya bergerak dan mulai turun ke jalan-jalan melakukan demonstrasi di pelbagai bandar di Indonesia. Gerakan tersebut juga mendapat simpati dan sokongan daripada masyarakat luar yang kemuncaknya berjaya menekan Presiden Soeharto meletakkan jawatannya pada 19 Mei 1998.

Kejatuhan Soeharto menandakan era baru politik Indonesia yang dikenali sebagai Era Reformasi. Pada masa ini politik Indonesia berkembang secara dinamik dan mengalami proses pendemokrasian. Sistem politik yang sebelumnya bersifat autoritarian berubah menjadi terbuka dengan munculnya pelbagai pusat kekuatan

baharu, baik dalam bentuk parti politik, kumpulan kepentingan, kumpulan penekan ataupun pelbagai pertubuhan baharu yang lahir. Dalam masa yang singkat, selama masa trasi tersebut, Indonesia mengalami gejolak politik yang keras yang menyaksikan lima kali pergantian kekuasaan dalam masa yang singkat, iaitu daripada Soeharto kepada Baharuddin Jusuf Habibie, Abdurrahman Wahid, Megawati Soekarno Putri, Susilo Bambang Yudhoyono dan kini Joko Widodo (Jokowi).

Hegemoni negara yang pada asalnya tertanam begitu kukuh dan mapan secara automatik roboh. Dinamika politik yang berlaku telah menimbulkan suasana baharu di mana kedudukan masyarakat relatif menjadi kuat. Kekuasaan yang sebelum ini tertumpu di tangan Presiden Soeharto dan para pembantunya, kini lebih menyebar pada pelbagai pusat kekuatan, terutamanya parti-parti politik. Para tokoh parti politik dan pelbagai kumpulan strategik inilah yang menjadi elit politik baharu Indonesia, yang memiliki peranan kuat dalam mempengaruhi proses politik dan pentadbiran negara. Perubahan dalam konfigurasi politik membawa kesan kepada perubahan politik yang lebih mendalam.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian, maka empat persoalan kajian telah dibina seperti berikut:

- 1 Apakah faktor kebangkitan dan perkembangan gerakan pelajar pada era sebelum kemerdekaan dan semasa era pemerintahan regim Soeharto di Indonesia?
- 2 Apakah peranan gerakan pelajar pada era pemerintahan regim Soeharto di Indonesia?
- 3 Bagaimanakah hegemoni Soeharto bertindak balas terhadap gerakan pelajar di Indonesia?
- 4 Apakah impak kejatuhan regim Soeharto terhadap politik Indonesia.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada persoalan kajian, maka objektif kajian ini adalah:

- 1 Mengenalpasti faktor-faktor yang mencetuskan kebangkitan dan perkembangan gerakan pelajar pada era sebelum kemerdekaan dan semasa era pemerintahan regim Soeharto.
- 2 Mendalami peranan gerakan pelajar pada era pemerintahan regim Soeharto di Indonesia.
- 3 Menganalisis reaksi dan tindak balas regim Soeharto terhadap gerakan pelajar di Indonesia.
- 4 Mensintesis kejatuhan regim Soeharto dan impaknya terhadap politik Indonesia.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini hanya dibatasi dengan gerakan pelajar Indonesia pada masa pemerintahan Soeharto daripada tahun 1966 sehingga berakhirnya rejim tersebut pada tahun 1998. Zaman pemerintahan Soeharto dipilih kerana gerakan pelajar pada era pemerintahan Soeharto memberikan impak yang amat serius ke atas kedudukan sesebuah pemerintahan. Rasional fokus ke atas gerakan pelajar adalah kerana ketika itu masyarakat sivil dan parti-parti politik adalah lemah. Hal ini menyebabkan golongan aktivis pelajar secara berani tampil mengambil alih peranan mereka dalam menyuarakan aspirasi rakyat. Dalam satu negara yang diperintah secara autoriter, pelbagai gerakan protes pelajar merupakan langkah yang penuh risiko dan jarang dilakukan. Pada tahap ini, ketidakpuasan para aktivis pelajar boleh menjadi satu kayu pengukur tingkat kepuasan masyarakat terhadap pemerintah.

1.7 Metodologi Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami dan menganalisis dengan mendalam isu yang dikaji. Bagi tujuan ini tersebut penyelidik telah memilih kaedah kajian kes untuk meneliti pelbagai faktor dan proses yang mempengaruhi perkembangan gerakan pelajar dalam menolak regim Soeharto di Indonesia. Kaedah kajian kes dipilih sesuai dengan takrifan Yin (1994) mengenai kajian kes, iaitu penyelidikan empirikal yang menyelidik fenomena dan konteks yang masih belum dapat dibuktikan. Menurut Chua (2011) pula kajian kes sesuai digunakan kerana ia digunakan untuk mengumpulkan maklumat secara mendalam mengenai tingkah laku individu dan keadaan sosial untuk mengetahui bagaimana tingkah laku individu atau perubahan sosial itu berlaku dalam masyarakat.

Dari segi pengutipan data, sumber dalam penyelidikan ini diperolehi melalui data primer (temubual) dan data sekunder (kepuustakaan). Sumber data primer pula diperolehi melalui temubual mendalam dengan para tokoh dan aktivis yang terbabit dalam gerakan pelajar di Indonesia pada masa pemerintahan Soeharto. Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah menemubual 14 orang informan, iaitu bekas aktivis pelajar, tokoh politik dan ahli akademik sebagai unit analisis yang penting dalam kajian ini. Antaranya adalah Ariel Heryanto, Fahri Hamzah, Hariman Siregar, Muchtar Effendi Harahap, Risnaldi Ibrahim, Sofyan Wanandi, Sakhyani Asmara, dan Sri Bintang Pamungkas yang pernah terlibat sebagai pemimpin pelajar dan juga terlibat dalam beberapa demonstrasi besar yang dianjurkan oleh para pelajar pada tahun 1970-an, 1980-an dan 1990-an. Selain itu, penyelidik juga menemui bual tokoh akademik yang banyak menulis tentang gerakan pelajar seperti Leo Agustino dan Syamsuddin Haris. Informan lain ialah Bapak B.J. Habibie, bekas Presiden Indonesia. Pemilihan informan adalah berdasarkan kedudukan dan peranan mereka sebagai pemimpin, ahli akademik dan bekas aktivis pelajar. Mereka memiliki sumber maklumat penting untuk menjelaskan dan menghuraikan pelbagai peristiwa yang berlaku dengan fokus kajian ini. Selain itu, sumber primer diperolehi daripada

dokumen peribadi dan catatan peribadi yang tidak diterbitkan, termasuk pengalaman dan pemerhatian penyelidik sendiri.

